

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]
TARIKH : RABU, 18 JUN 2014
RUJUKAN : L10 [PR-1322-L62549]
SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah menetapkan garis panduan bagi mewujudkan bazar larut malam. Di Wangsa Maju terdapat dua bazar larut malam, yang mana kawasannya dalam lebih kurang 3 kilometer.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, DBKL telah menetapkan garis panduan bagi mewujudkan bazaar larut malam tetapi tidak menetapkan jumlah jarak antara satu bazar ke bazar lain. Setakat ini DBKL hanya meluluskan dua bazar larut malam yang beroperasi di kawasan terbuka iaitu di Danau Kota dan tapak letak kereta Velodrom Bandar Tun Razak. Dua (2) bazar larut malam ini adalah termasuk pembangunan semula bazar larut di tapak baru di tanah kerajaan di mukim Setapak, Kuala Lumpur.

Sementara itu, karnival jualan malam telah dilaksanakan di Pasar Gombak sebagai usaha mempromosikan dan memajukan pusat penjaja dan pasar itu yang kurang berdaya maju. Ini bertujuan untuk meneruskan aktiviti perniagaan bazar larut malam bagi meningkatkan ekonomi setempat.

SOALAN (127)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah rumah yang sedia ada di bawah program MyHome di seluruh Malaysia dan senaraikan mengikut negeri. Sila berikan bilangan rumah MyHome yang sedia ada di Kawasan Sibu juga.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MyHome merupakan inisiatif baru Kerajaan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menggalakkan sektor swasta untuk membina lebih banyak rumah mampu milik. Oleh yang demikian, belum ada rumah yang telah siap disediakan di bawah program ini termasuk di Sibu dan Jabatan Perumahan Negara (JPN) sedang meneliti permohonan yang diterima daripada pemaju untuk menyertai program ini. Sehingga tarikh 30 Mei 2014, JPN telah menerima 35 permohonan daripada pemaju untuk membina 8892 unit rumah di seluruh Malaysia.

Berikut adalah senarai pemaju yang telah mengemukakan permohonan untuk pertimbangan oleh KPKT:

i) SL Harmony Development

MyHome 1 : 61

ii) Setegap Cahaya Sdn Bhd

MyHome 1 : 17

MyHome 2 : 60

iii) Joseph Design & Contract Sdn Bhd

MyHome 1: 73

MyHome 2: 169

iv) TakExCel Sdn Bhd

MyHome 2: 28

Jumlah keseluruhan : MyHome 1 : 151 unit

MyHome 2 : 257 unit

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014